

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

- PERTANYAAN : LISAN**
- DARIPADA : DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN
[TANJONG MANIS]**
- TARIKH : 15 JUN 2015 (ISNIN)**
- SOALAN : Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman
[Tanjong Manis] minta MENTERI PERTANIAN
DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan
sama ada pihak Kementerian akan membuka
semula permohonan lesen/permit nelayan
pesisiran pantai memandangkan Kementerian
melalui Jabatan Perikanan Laut Sarawak telah
membekukan permohonan itu di Sarawak buat
masa sekarang.**

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia telah melaksanakan pembekuan sementara ke atas semua permohonan lesen baru vesel Zon A, Zon B dan Zon C dalam usaha mengurangkan tekanan ke atas sumber perikanan. Bagi memastikan kelestarian sumber bekalan makanan disamping meneruskan pembangunan industri perikanan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia memberi lebih tumpuan dan fokus kepada pembangunan perikanan laut dalam. Ia

adalah sebagai alternatif kepada sumber bekalan ikan negara yang kini terdedah kepada pengeksploitasian sumber terutamanya di kawasan perairan pantai yang telah mencapai tahap optima.

Sehubungan itu, pembukaan semula permohonan lesen/permit baru kepada nelayan pesisiran pantai dikhuatiri kurang ekonomik kerana nelayan perlu beroperasi lebih panjang (peningkatan kos operasi) bagi mendapatkan hasil yang setimpal. Selain itu, pertambahan lesen-lesen baru juga akan meningkatkan konflik di antara nelayan kerana kawasan penangkapan ikan yang terhad.

Walau bagaimanapun, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia bersedia untuk mengkaji semula keperluan membuka semula permohonan lesen/permit nelayan pesisiran pantai.